

MSM TEGUH BERHADAPAN CABARAN, BERI TUMPUAN PADA 2020

KUALA LUMPUR, NOVEMBER 20, 2019 – Kemerosotan harga jualan purata (ASP) gula dan pengurangan jumlah eksport telah memberikan kesan pada keuntungan MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) bagi suku ketiga berakhir 30 September 2019. Justeru, MSM menjangkakan tahun 2019 akan kekal mencabar, diikuti beberapa gangguan domestik lain. Walaubagaimanapun, MSM akan memberikan tumpuan untuk tahun 2020 yang lebih baik.

“Beberapa faktor luaran mungkin berada luar daripada kawalan, akan tetapi MSM sedang mengambil beberapa langkah untuk memanfaatkan lebih kapasiti serta menjamin harga yang terbaik bagi gula mentah untuk pasaran antarabangsa, memandangkan kontrak sebelum ini akan tamat tempoh pada penghujung Disember,” jelas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Dato’ Khairil Anuar Aziz. “Sehubungan itu, kami menjangkakan tahun 2020 akan memihak kepada MSM, susulan peningkatan defisit gula dunia seperti yang diramalkan.”

Untuk suku yang ditinjau, MSM melaporkan 5% penurunan dalam hasil kepada RM 531.42 juta berbanding RM 561.68 juta pada suku yang sama sebelum ini. Kumpulan turut mencatatkan kerugian selepas cukai (LAT) sebanyak RM 185.10 juta, berbanding keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM 15.88 juta untuk tempoh yang sama pada tahun lepas, disebabkan kemerosotan nilai pada sesetengah peralatan dan jentera berjumlah RM 137.35 juta disebabkan perubahan dalam strategi Kumpulan dan pelan masa hadapan untuk beberapa aset berikutan keadaan ekonomi dan perniagaan yang mencabar.

Gangguan dalam pasaran domestik dan 40% pengurangan dalam jumlah eksport berikutan peningkatan persaingan dalam pasaran eksport telah memberi kesan pada penurunan ASP sebanyak 3% dan 4% bagi pasaran Domestik dan Industri. Selain itu, pengkomersialan MSM Johor yang bermula April tahun ini, termasuk kapasiti penggunaannya yang rendah dan susut nilai, serta kenaikan dalam tariff gas sejak Januari 2019 dan Julai 2019 telah meningkatkan kos pengeluaran sebanyak 39%.

Ringgit kekal lemah berbanding USD berikutan perang dagangan US-China yang masih berterusan. Di sebalik kelemahan Ringgit terhadap USD iaitu RM 4.1592 berbanding RM 4.0737



pada tahun lepas, MSM telah merekodkan kos purata gula mentah yang lebih rendah sebanyak 5.6% berikutan harga NY#11 yang menggalakkan.

“Sejak dua tahun kebelakangan ini, pemain-pemain industri gula di seluruh dunia sedang menghadapi cabaran dalam ketidaktentuan harga gula mentah dan matawang. Situasi turut bertambah beban dengan pelaksanaan cukai gula dan peningkatan dalam kempen anti-gula di peringkat dunia,” kata Khairil Anuar. “Walaupun bagaimanapun, dari sudut positif, Pertubuhan Gula Antarabangsa (ISO) telah meramalkan defisit gula dunia sebanyak 3.5 juta tan pada 2019-2020, di mana ia dijangka akan terus meningkat kepada 6 juta tan dalam tempoh di antara 2020-2021, berpunca daripada jumlah pengeluaran yang rendah di negara-negara pengeluar utama termasuk Brazil, Thailand dan Eropah.”

Defisit tersebut dijangka akan membuka peluang buat MSM, pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia. “Kami akan mengambil peluang ini untuk memacu pertumbuhan pasaran eksport, seiring peningkatan dalam kadar penggunaan di MSM Johor dan pengurangan dalam kos,” tambah Khairil Anuar.

Pada Jun 2019, MSM Johor telah memulakan penghantaran produk terbaru, gula adunan pra-campur dan produk gula cecair pada Oktober 2019 ke rantau Asia.

MSM Johor turut mengambil peluang daripada jarak yang dekat dengan pasaran Singapura. MSM telah melepasi proses-proses audit dan pengesahan yang dijalankan oleh pelbagai syarikat makanan dan minuman antarabangsa serta pengguna-pengguna industri di Singapura, sekaligus menggalakkan pertumbuhan permintaan.

“MSM mensasarkan untuk mengeksport lebih daripada 100,000 tan produk-produk gula ke rantau Asia menjelang 2021. Kami bercadang untuk menembusi pasaran besar gula pra-campur dan sirap terutamanya di rantau Asia, di mana anggaran jumlah permintaan semasa masing-masing adalah di antara tiga juta tan dan empat juta tan. Ini adalah langkah permulaan bagi MSM untuk meluaskan jejak global, yang turut memberi peluang kepada MSM untuk mempelbagaikan aliran keuntungan melalui variasi produk dan pembangunan produk baru,” kata Khairil Anuar.

Bagi mengatasi isu berkaitan kenaikan kos gas, MSM akan melabur di dalam projek “Biomass Boilers”, yang akan menggunakan kisan tandan buah kosong (SEFB) sebagai bahan bakar



dandang melalui inisiatif tenaga yang boleh diperbaharui oleh Kumpulan FGV. Secara positif, ia akan merendahkan kos penapisan, terutamanya dalam proses peleburan gula mentah di mana ia akan mengurangkan kebergantungan pada gas asli yang dianggarkan sebanyak 50% - 60% setahun. Inisiatif tenaga yang boleh diperbaharui ini adalah langkah penting buat MSM berikutan Tarif Gas Asli telah meningkat sebanyak 60% sejak tahun 2015. MSM adalah merupakan pengeluar gula bertapis tunggal di Malaysia yang akan menggunakan teknologi tersebut.

-TAMAT-

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui tiga anak syarikatnya, MSM Prai Berhad, MSM Perlis Sdn Bhd dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd dan sebuah syarikat dagangan - MSM Trading International DMCC, yang berpangkalan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.25 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2018, MSM mengeluarkan sebanyak 964,739 tan gula bertapis, di mana 109,613 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 59% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 1.83 bilion setakat 31 Disember 2018). MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan penganjurnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 137
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Ahmad Izwan Osman
+603 2181 5018 ext. 154
+6017 440 1027
ahmadizwan.o@msmsugar.com